

Isi Rumah “Plus’

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



1 800 88 3833



customer@kurnia.com



www.kurnia.com

BAHAWASANYA Pihak Yang Diinsuranskan, menerusi permohonan dan perakuan sebagai sebahagian daripadanya, telah memohon kepada Liberty General Insurance Berhad (seterusnya dirujuk sebagai "Syarikat") untuk insurans yang terkandung seterusnya dan telah membayar premium yang dinyatakan dalam Jadual Polisi sebagai pertimbangan untuk insurans sedemikian bagi tempoh yang dinyatakan di dalamnya.

MAKA POLISI INI MEMPERAKUI: Bahawa sekiranya berlaku dalam Tempoh Insurans atau dalam mana-mana tempoh berikutnya yang mana Pihak Diinsuranskan hendaklah membayar dan Syarikat bersetuju untuk menerima premium yang diperlukan bagi pembaharuan polisi ini, dan tertakluk kepada had, pengecualian dan syarat yang terkandung dalam Kontrak ini atau diendorskan ke atasnya (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai terma Polisi ini).

SEKSYEN 1 – KEROSAKAN MATERIAL KEPADA KANDUNGAN ISIRUMAH

A. PERIL DIINSURANSKAN

Syarikat akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan terhadap kerugian atau kerosakan fizikal yang tidak disengajakan kepada harta yang diinsuranskan daripada sebarang sebab luaran yang tidak dinyatakan pengecualiannya secara khusus dalam Polisi.

PERLINDUNGAN TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD

KEPADA kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran, petir, letupan, gempa bumi, taufan, ribut, banjir, rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat, pecah atau melimpahnya tangki, peralatan atau paip air rumah, hentaman kenderaan, kecurian, pemendapan dan gelinciran tanah, pesawat dan peranti-peranti udara lain dan/atau benda yang gugur daripadanya.

B. HARTA DIINSURANSKAN

Semua kandungan isirumah yang mana pernyataannya adalah merangkumi barangan isirumah dan barangan peribadi yang merupakan harta milik atau di bawah tanggungjawab Pihak Diinsuranskan atau mana-mana ahli keluarga Pihak Diinsuranskan yang biasanya tinggal dengan beliau semasa terkandung/disimpan dalam bangunan kediaman persendirian.

HARTA DIPINDAHKAN SEMENTARA

Seksyen ini diperluaskan, kecuali berhubung dengan harta yang dipindahkan untuk jualan atau pameran atau ke tempat simpanan perabot dan tertakluk dalam setiap kes kepada terma-terma Polisi ini, untuk melindungi harta Ketika dipindahkan sementara daripada premis diinsuranskan tetapi masih di Malaysia, sekiranya dan setakat harta tersebut tidak diinsuranskan sebaliknya. Liabiliti Syarikat di bawah perluasan ini adalah terhad kepada 15% daripada Keseluruhan Jumlah Diinsuranskan pada Seksyen I.

C. ASAS PENYELESAIAN

Untuk tujuan Seksyen I Polisi ini, asas penyelesaian hendaklah:

- i. bagi perkakasan atau peralatan elektrik berusia kurang daripada lima (5) tahun dari tarikh pembelian – kos bagi menggantikan harta yang hilang atau rosak dengan harta daripada bentuk atau jenis yang sama tetapi tidak lebih hebat atau lebih luas daripada harta Pihak Diinsuranskan ketika baru atau di mana harta tersebut tidak lagi terdapat dalam pasaran, kos penggantian dengan harta yang seumpamanya dan dengan spesifikasi dan/atau prestasi yang paling hampir menyerupai harta yang hilang atau rosak tersebut. Dengan syarat bahawa liabiliti Syarikat berhubung dengan setiap barangan adalah tidak boleh melebihi harga pembelian asal.
- ii. bagi barangan antik, lukisan dan karya seni lain - kos untuk memulihkan harta tersebut kepada keadaan asal atau harga pembelian asal atau nilai yang ditentukan oleh jurunilai profesional yang mana lebih rendah.

- iii. bagi semua harta lain yang diinsuranskan – nilai harta tersebut pada masa berlaku kehilangan atau kerosakan tetapi dalam apa jua keadaan ia tidak boleh melebihi kos untuk membaiki atau menggantikan dengan harta daripada jenis dan kualiti yang sama.

DENGAN SYARAT bahawa dalam hal di mana apa-apa barangan diinsuranskan terdiri daripada barangan dalam bentuk sepasang atau set, Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada nilai perkadaran setimpal bagi mana-mana bahagian tertentu atau bahagian-bahagian yang mungkin hilang, tanpa merujuk kepada sebarang nilai khas yang mungkin ada pada barang tersebut sebagai sebahagian daripada pasangan atau set tersebut.

DENGAN SYARAT bahawa sekiranya harta yang diinsuranskan pada masa berlaku sebarang kerugian, secara kolektif mempunyai nilai yang lebih besar daripada jumlah diinsuranskan ke atasnya, maka Pihak Diinsuranskan hendaklah dianggap sebagai penanggung insuransnya sendiri bagi perbezaan tersebut, dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kehilangan tersebut dengan sewajarnya. Setiap barangan, sekiranya lebih daripada satu, dalam Jadual, hendaklah secara berasingan tertakluk kepada syarat ini.

PENGECUALIAN KHAS KEPADA SEKSYEN I

Syarikat di bawah Seksyen Polisi ini tidak akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan bagi:

1. Kerugian atau kerosakan akibat daripada keadaan haus dan lusuh, susut nilai, kemerosotan beransur-ansur, kulat, lapuk/usang, haiwan perosak atau berkaitan dengan sebarang proses pembersihan, pencelupan, pembaikan, pemulihan manamana harta yang diinsuranskan.
2. Kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau dalam apaapa cara yang boleh dikesan kepada kecacatan mekanikal dalam atau kekalutan mekanikal atau kepecahan jam tangan, jam, alatan muzik, set tanpa wayar, gramofon, mesin taip, mesin jahit, kamera, peralatan sukan dan seumpamanya.
3. Kerosakan kepada peti pakaian, beg, kotak dan lain-lain bekas pengembaraan, selain daripada kerugian menyeluruh.
4. Kesan calar atau kemik pada mana-mana barangan atau kesan retak dan/atau pecahan kaca, tembikar china, marmar, rekod gramofon dan/atau barangan-barangan lain yang bersifat rapuh, melainkan disebabkan oleh kecurian dan/atau kebakaran.
5. Kerugian atau kerosakan kepada surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, cek, sekuriti untuk wang, pingat, syiling, setem, manuskrip atau dokumen-dokumen lain yang bernilai, kenderaan bermotor dan aksesori serta haiwan, burung, ikan atau tumbuhan.

Walau bagaimanapun, pengecualian ini tidak terpakai kepada kerugian atau kerosakan kepada wang kertas bernilai tidak lebih daripada RM1,000 disebabkan oleh kebakaran atau kecurian yang berlaku di dalam premis yang diinsuranskan.

6. Kerugian atau kerosakan kepada harta semasa dalam transit sebagai Bagasi Tidak Ditemani yang dihantar di bawah Bil Muatan, Resit Bungkus Pos, Bil Angkutan Udara atau dokumen yang seumpamanya.
7. Kerugian atau kerosakan kepada barang kemas, perhiasan peribadi, barangan diperbuat daripada emas, perak atau logamlogam lain yang berharga, batu-batu berharga dan separa berharga, jam tangan, pen *fountain*, pemetik api, melainkan disebabkan oleh kebakaran, letupan, gempa bumi, ribut, banjir, kecurian dan pada ketika itu liabiliti Syarikat akan terhad kepada RM5,000 dalam mana-mana satu tempoh insurans.

8. Kerugian atau kerosakan kepada barangan antik, lukisan dan hasil-hasil seni lain melainkan disebabkan oleh kebakaran, letupan, gempa bumi, ribut, banjir, kecurian dan pada ketika itu liabiliti Syarikat akan terhad kepada RM5,000 dalam manamana satu tempoh insurans.
9. Kehilangan atau kerosakan kepada harta disebabkan kecurian di premis yang diinsuranskan jika Premis tersebut ditinggalkan lebih daripada sembilan puluh (90) hari dalam mana-mana satu tahun insurans, sama ada pada satu masa atau dalam agregat, melainkan sekiranya dibenarkan secara bertulis oleh Syarikat, dan sekiranya perlu, premium tambahan dibayar.
10. Kerugian, kerosakan atau kemusnahan yang secara langsung atau tidak langsung timbul daripada kelewatan, rampasan atau penahanan oleh Kastam atau pegawai atau pihak berkuasa lain.
11. Kerugian atau kerosakan kepada harta yang timbul daripada kecurian di tempat terbuka, kecurian oleh pembantu rumah, dan kecurian ketika bangunan atau mana-mana bahagiannya dipinjamkan, disewakan atau disubsewakan, kecurian daripada mana-mana bangunan tambahan yang tidak bersambung secara langsung dengan Rumah Kediaman Persendirian atau Rumah Flat Persendirian dan harta yang disimpan di Kawasan berpagar Kediaman Persendirian.
12. Berhubung dengan penenggelaman dan gelinciran tanah, Polisi ini mengecualikan yang berikut:
 - a. kerugian atau kerosakan kepada atau akibat daripada pergerakan menusuk lantai keras melainkan asas di bawah dinding luaran bangunan dirosakkan oleh sebab yang sama pada masa yang sama.
 - b. kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh berlakunya, atau akibat daripada:
 - hakisan pantai atau sungai
 - perobohan, pengubahsuaian struktur atau pembaikan struktur
 - kecacatan reka bentuk atau pembinaan asas yang tidak mencukupi
13. Sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau berpunca daripada perbuatan menipu oleh mana-mana orang dalam maksud definisi kesalahan menipu yang dinyatakan dalam Kanun Keseksaan.

Menipu ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan sebagai "sesiapa sahaja, dengan memperdaya seseorang, dengan menipu atau dengan curang mendorong orang yang diperdaya sedemikian untuk menyerahkan untuk mana-mana harta kepada seseorang atau bersetuju bahawa seseorang akan menyimpan manamana harta, atau dengan sengaja mendorong orang yang diperdaya sedemikian untuk melakukan atau tidak melakukan apa sahaja yang beliau tidak akan lakukan atau tinggalkan jika beliau tidak diperdaya sedemikian, dan tindakan atau peninggalan mana yang menyebabkan atau mungkin akan menyebabkan kerosakan atau memudaratkan orang tersebut pada tubuh badan, fikiran, reputasi atau harta, adalah dikatakan "menipu".
14. Sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau berpunca daripada perbuatan Jenayah Pecah Amanah (CBT) oleh mana-mana orang dalam maksud definisi kesalahan CBT yang dinyatakan dalam Kanun Keseksaan.

Jenayah Pecah Amanah ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan sebagai "sesiapa, dalam sebarang cara diamanahkan dengan harta", atau dengan apa-apa penguasaan ke atas harta, dengan curang menggelapkan atau menukar kepada kegunaannya sendiri, atau dengan curang menggunakan atau menjual harta tersebut yang melanggar sebarang arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah tersebut harus dilaksanakan, atau sebarang kontrak undang-undang, nyata atau tersirat, yang beliau telah buat mengenai

pelaksanaan amanah tersebut, atau dengan sengaja membiarkan mana-mana orang lain untuk berbuat demikian, melakukan "jenayah pecah amanah".

SEKSYEN II – PERBELANJAAN PENGINAPAN

Syarikat akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan bagi perbelanjaan tambahan yang munasabah yang perlu ditanggung oleh beliau bagi penginapan di hotel, rumah tumpangan atau rumah penginapan disebabkan premis yang diinsuranskan mengalami kerosakan akibat peril yang diinsuranskan di bawah Seksyen I sehingga tidak boleh diduduki tetapi hanya berhubung dengan tempoh tersebut dan tertakluk kepada jumlah yang tidak melebihi RM250 sehari dan bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga puluh (30) hari.

Sesuatu premis dianggap tidak boleh diduduki apabila ia disahkan tidak selamat untuk diduduki akibat kebakaran, banjir, atau perilperil lain yang diinsuranskan di bawah Seksyen I.

SEKSYEN III – LIABILITI DIRI

INDEMNITI

Tertakluk kepada Had Liabiliti yang dinyatakan dalam Seksyen ini Syarikat akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan berhubung dengan:

1. Jumlah keseluruhan di mana Pihak Diinsuranskan menjadi liabiliti di sisi undang-undang untuk membayar pampasan berhubung dengan:
 - a. kecederaan anggota badan yang tidak disengajakan kepada pihak ketiga
 - b. kerosakan yang tidak disengajakan kepada harta benda pihak ketiga
2. Semua kos dan perbelanjaan litigasi:
 - a. diperoleh semula oleh mana-mana pihak atau pihak-pihak yang menuntut terhadap Pihak Diinsuranskan.
 - b. ditanggung dengan persetujuan bertulis daripada Syarikat.

Berhubung dengan tuntutan terhadap Pihak Diinsuranskan bagi pampasan yang mana Indemniti yang dinyatakan dalam Polisi ini terpakai.

Sekiranya berlaku kematian ke atas Pihak Diinsuranskan Syarikat akan, berhubung dengan liabiliti yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan, menanggung rugi wakil peribadi Pihak Diinsuranskan itu yang akan dianggap seolah-olah mereka adalah Pihak Diinsuranskan yang mematuhi dan memenuhi dan menjadi tertakluk kepada pengecualian dan syarat-syarat Polisi ini setakat mana yang terpakai.

HAD LIABILITI

Polisi di bawah Seksyen ini akan menanggung rugi sehingga jumlah tidak melebihi Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Lima Ribu (RM75,000) bagi mana-mana satu kemalangan dan mana-mana satu Tempoh Insurans.

PENGECUALIAN KHAS KEPADA SEKSYEN III

Indemniti yang dinyatakan dalam Seksyen ini tidak terpakai kepada dan tidak juga termasuk:

- a. Liabiliti yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan melalui perjanjian melainkan liabiliti tersebut memang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan walau apa pun perjanjian tersebut menyatakan.
- b. Liabiliti bagi kecederaan ke atas sesiapa sahaja yang mana ketika dia mengalami kecederaan tersebut dia sedang menjalankan sesuatu tugas perkhidmatan untuk Pihak Diinsuranskan ataupun untuk pampasan yang dituntut daripada Pihak Diinsuranskan oleh seseorang yang tercedera atau tanggungannya di bawah mana-mana Undang-Undang Pampasan Pekerja.
- c. Liabiliti bagi kecederaan ke atas sesiapa sahaja yang terdiri daripada ahli keluarga atau ahli dalam isirumah Pihak Diinsuranskan.
- d. Liabiliti bagi kerosakan ke atas harta benda kepunyaan ataupun yang diletakkan dalam jagaan atau di bawah kawalan Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pekerja atau ejen Pihak Diinsuranskan.
- e. Liabiliti berkenaan dengan kecederaan atau kerosakan disebabkan oleh atau berhubung dengan atau timbul daripada:
 - i. pemunyaan atau pemilikan atau penggunaan oleh atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan mana-mana haiwan (selain daripada anjing atau kucing), pesawat udara, kenderaan bermotor, vesel, semua jenis senjata atau sebarang bentuk perahu.
 - ii. pemunyaan atau pemilikan atau penggunaan oleh atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan mana-mana tanah atau bangunan.
 - iii. apa-apa pekerjaan, profesion atau perniagaan Pihak Diinsuranskan atau apa sahaja yang dilakukan berhubung dengannya atau untuk tujuan itu.
- f. Pampasan bagi ganti rugi berhubung dengan penghakiman yang bukan pertama kali dikemukakan oleh atau diterima daripada Mahkamah dalam bidang kuasa kompeten di Malaysia.
- g. Kos dan perbelanjaan litigasi yang diperoleh oleh pihak yang menuntut daripada Pihak Diinsuranskan yang tidak ditanggung dan tidak boleh diperoleh di Malaysia.

SEKSYEN IV – KEMALANGAN DIRI

Syarikat akan membayar kepada Pihak Diinsuranskan atau kepada wakil beliau yang sah jumlah atau sejumlah wang selaras dengan Jadual Faedah yang diperuntukkan dalam Seksyen ini sekiranya Orang Yang Diinsuranskan yang dinyatakan dalam Jadual mengalami sebarang kecederaan tubuh badan disebabkan SEMATA-MATA OLEH KEJADIAN YANG TIDAK DISENGAJAKAN AKIBAT KEGANASAN LUARAN DAN NYATA DAN TIDAK BERGANTUNG PADA SEBARANG SEBAB LAIN yang boleh membawa kepada kematian atau kehilangan upaya beliau.

DENGAN SYARAT SENTIASA BAHAWA

1. Tiada jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Faedah perlu dibayar melainkan kematian atau hilang upaya berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan dari masa berlakunya Kecederaan Anggota Badan.
2. Agregat peratusan keseluruhan yang perlu dibayar berhubung dengan mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100% seperti dinyatakan dalam Jadual Faedah. Sekiranya jumlah 100% telah dibayar, semua insurans di bawahnya akan terbatal dengan

serta-merta. Semua kerugian lain yang kurang daripada 100% sekiranya telah dibayar akan mengurangkan perlindungan sebanyak jumlah tersebut dari tarikh kemalangan sehingga luput tempoh Polisi.

3. Jumlah perlu dibayar di bawah Faedah B hendaklah bersamaan dengan peratusan sebanyak RM10,000 sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Faedah.

SYARAT KHAS TERPAKAI KEPADA SEKSYEN IV

1. Semua sijil, resit akaun, maklumat dan keterangan yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah diberikan atas perbelanjaan Pihak Diinsuranskan atau mana-mana Pihak Yang Menuntut di bawah seksyen ini dan hendaklah dalam bentuk dan sifat sedemikian sebagaimana yang Syarikat tentukan.
2. Apabila berlaku sebarang kemalangan yang mana pampasan perlu dibayar di bawah Polisi ini Pihak Diinsuranskan hendaklah dengan serta-merta menggunakan khidmat pengamal perubatan yang berkeelayakan dan berdaftar dan menjalani sebarang rawatan pengamal tersebut yang dianggap perlu.
3. Orang Yang Diinsuranskan selalunya dikehendaki mengemukakan pemeriksaan perubatan untuk pihak Syarikat atas perbelanjaannya sendiri.
4. Syarikat hendaklah sekiranya berlaku kematian ke atas Orang Yang Diinsuranskan berhak melakukan pemeriksaan bedah siasat atas perbelanjaannya sendiri.
5. Tiada seorang pun Pemegang Serah Hak berhak kepada manamana pampasan di bawah Polisi ini kecuali yang perlu dibayar berhubung dengan kematian. Benefisiari apabila dinamakan dalam Polisi ini adalah atas permintaan Pihak Diinsuranskan tetapi Syarikat tidak akan terikat untuk membayar sebarang pampasan yang mungkin kena dibayar di bawah Polisi ini kepada Benefisiari melainkan Benefisiari juga merupakan wakil sah Pihak Diinsuranskan.
6. Orang Yang Diinsuranskan yang dinamakan dalam Jadual di bawah Seksyen IV (A) adalah terhad kepada Pihak Diinsuranskan, pasangan beliau yang sah dan anak-anak di bawah umur lapan belas (18) tahun, dengan syarat bahawa mana-mana orang yang melebihi umur enam puluh lima (65) tahun akan dikecualikan.
7. Orang Yang Diinsuranskan yang dinamakan dalam Jadual di bawah Seksyen IV (B) adalah pembantu rumah Pihak Diinsuranskan. Jika terdapat lebih daripada satu pembantu rumah pada masa berlaku kemalangan itu, faedah yang perlu dibayar akan dikurangkan mengikut kadar yang setimpal.

PENGECUALIAN KHAS KEPADA SEKSYEN IV

Polisi ini tidak melindungi kematian atau hilang upaya yang disebabkan atau akibat daripada:

1. Bunuh diri (sama ada feloni atau tidak) atau sebarang cubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan, serangan provokasi, kehamilan atau kelahiran anak melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan, penyakit kelamin atau tidak siuman, kesan atau pengaruh (sementara atau sebaliknya) alkohol atau ubat yang tidak dipreskripsi oleh pengamal perubatan yang berkeelayakan dan berdaftar, melakukan atau cuba untuk melakukan sebarang Tindakan menyalahi undang-undang.

2. Orang Yang Diinsuranskan membuat penerbangan atau perjalanan dalam pesawat selain daripada sebagai penumpang berbayar dengan syarikat penerbangan berlesen mengikut laluan domestik atau antarabangsa yang dijadualkan.
3. Orang Yang Diinsuranskan mengambil bahagian dalam:
 - a. luncur air, menyelam skuba, aktiviti di bawah permukaan air yang melibatkan penggunaan peralatan pernafasan, memburu, mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau penunjuk arah, payung terjun, peluncuran gantung, terjun udara, sukan musim sejuk, seni mempertahankan diri, menunggang kuda, gusti, tinju, sebarang bentuk perlumbaan selain daripada menggunakan kaki.
 - b. penggunaan mesin pertukangan kayu yang dipacu oleh kuasa mekanikal.
4. Sebarang kecacatan fizikal atau ketiadaan upaya yang prawujud, sebarang bentuk sawan, penyakit atau sebarang bentuk kesakitan.
5. Orang Yang Diinsuranskan terlibat dalam, latihan atau mengambil bahagian dalam acara sukan dalam kapasiti secara profesional.

JADUAL FAEDAH

KETERANGAN FAEDAH

PAMPASAN

(berdasarkan RM10,000)

A. KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

(Berlaku dalam tempoh 12 bulan kalendar Dari masa Kecederaan Anggota Badan) 100%

B. HILANG UPAYA KEKAL

(Berlaku dalam tempoh 12 bulan kalendar dari masa Kecederaan Anggota Badan) yang mengakibatkan:

1. Hilang Upaya Kekal Menyeluruh daripada melibatkan diri atau menghadiri sebarang bentuk pekerjaan/ tugas 100%
2. Lumpuh sepenuhnya atau terlarut selamalamanya 100%
3. Kehilangan
 - a) satu tangan atau lengan 100%
 - b) satu kaki atau satu kaki sehingga paha 100%
 - c) penglihatan penuh sama ada sebelah atau kedua-dua belah mata 100%
4. Kehilangan
 - a. Pendengaran kedua-dua telinga 75%
 - b. Pendengaran sebelah telinga 15%
 - c. Keupayaan pertuturan 50%
5. Kehilangan
 - a) empat jari dan ibu jari pada sebelah tangan 50%
 - b) empat jari pada sebelah tangan 40%
6. Kehilangan ibu jari
 - kedua-dua falanks 25%
 - satu falanks 10%
7. Kehilangan jari telunjuk
 - tiga falanks 10%
 - dua falanks 8%
 - satu falanks 4%
8. Kehilangan jari tengah
 - tiga falanks 6%
 - dua falanks 4%
 - satu falanks 2%
9. Kehilangan jari manis
 - tiga falanks 5%
 - dua falanks 4%
 - satu falanks 2%

10. Kehilangan jari kelengkeng - tiga falanks	4%
- dua falanks	3%
- satu falanks	2%
11. Kehilangan jari kaki	
- semua jari kaki pada sebelah kaki	15%
- ibu jari kaki bagi kedua dua falanks	5%
- ibu jari kaki, satu falanks	2%
- selain daripada ibu jari kaki, jika lebih daripada satu jari kaki, setiap satu	1%

Kehilangan kekal keseluruhan penggunaan bahagian badan hendaklah dianggap sebagai kehilangan bahagian badan. Di mana sebarang ketidakupayaan separa kekal yang tidak dinyatakan di atas selain daripada kehilangan deria rasa atau bau, Syarikat akan menerima pakai peratusan hilang upaya mengikut pendapat penasihat perubatan Syarikat konsisten dengan peruntukan di atas dan tanpa mengambil kira pekerjaan Orang Yang Diinsuranskan.

Hilang Daya Penglihatan bermaksud kehilangan penglihatan keseluruhan dan tidak boleh sembuh yang menyebabkan Orang Yang Diinsuranskan buta sama sekali yang tidak dapat diubahi melalui pembedahan atau rawatan lain.

PENGECUALIAN AM (TERPAKAI KEPADA SEMUA SEKSYEN)

A. Sebarang kerugian, kerosakan atau kontingensi lain yang disebabkan oleh atau melalui atau akibat secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana kejadian berikut iaitu:

- a. Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seakan-akan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara.
- b. Dahagi, rusuhan, kebangkitan tentera atau orang awam, pemberontakan, revolusi, tindakan atau rampasan kuasa pihak tentera, keadaan darurat atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebabsebab yang menentukan pengisytiharan atau pengkalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan.

Dalam apa-apa tindakan, guaman atau lain-lain prosiding di mana Syarikat mengatakan bahawa disebabkan peruntukan Pengecualian Am ini sebarang kerugian, kerosakan atau lain-lain kontingensi tidak dilindungi oleh insurans ini, beban pembuktian kerugian, kerosakan atau lain-lain kontingensi tertentu yang dilindungi hendaklah terletak pada Pihak Diinsuranskan.

- B.
 - ia Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pemberhentian kerja, atau oleh perampasan, penyitaan, rekuisisi atau pemusnahan atau kerosakan kepada harta oleh arahan Kerajaan *de jure* atau *de facto* atau mana-mana Perbandaran Awam atau Pihak Berkuasa Tempatan negara atau kawasan di mana harta itu terletak; atau disebabkan oleh harta akibat penapaian sendiri, pemanasan semula jadi atau pembakaran spontan atau disebabkan menjalani proses pemanasan atau pengeringannya.
 - ib. Kerugian, kerosakan atau lain-lain kontingensi yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau timbul daripada atau akibat atau berpunca daripada bahan senjata nuklear.
 - ii Kerugian, kerosakan atau lain-lain kontingensi yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau timbul daripada atau akibat atau berpunca daripada pengionan, penyinaran atau pencemaran radioaktif daripada mana-mana

bahan api nuklear atau daripada sebarang sisa nuklear yang terhasil daripada pembakaran bahan api nuklear. Sematamata untuk tujuan Pengecualian B(ii), pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuclear yang mampu diri.

- C. Sebarang bentuk kerugian atau kerosakan turutan walau apa sekalipun sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen II polisi ini.
- D. Sebarang kerugian, kerosakan atau lain-lain kontingensi disebabkan oleh atau melalui atau akibat secara langsung atau tidak langsung atau berpunca daripada Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau bagaimana sekalipun sindrom ini diperoleh atau mungkin dinamakan. Sebarang bentuk kerugian atau kerosakan turutan walau apa sekalipun sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen II polisi ini.
- E. Kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh atau melalui atau akibat daripada, secara langsung atau tidak langsung, daripada mana-mana tindakan keganasan.

Untuk tujuan ini, tindakan keganasan bermaksud Tindakan termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian daripada orang awam berada dalam ketakutan.

SYARAT – SYARAT AM (TERPAKAI KEPADA SEMUA SEKSYEN)

1. Polisi dan Jadual ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan membentuk kontrak keseluruhan di antara semua pihak dan tiada sebarang pernyataan, kenyataan, waranti, perjanjian secara langsung atau tidak langsung, selain daripada yang terkandung di dalam kontrak ini dan sebarang ungkapan dan makna khususnya yang telah dinyatakan dalam mana-mana bahagian polisi atau jadual ini hendaklah membawa maksud khusus sedemikian dimana jua ia mungkin dicatat.
2. Melainkan dinyatakan dengan nyata sebaliknya tiada apa yang terkandung dalam Polisi ini akan memberikan sebarang hak terhadap Syarikat kepada mana-mana orang selain daripada Pihak Diinsuranskan. Selanjutnya Syarikat tidak akan terikat oleh sebarang kelulusan kepentingan Pihak Diinsuranskan selain daripada kematian atau pelaksanaan undang-undang melainkan jika dan sehingga Syarikat melalui pengendorsan ke atasnya mengisytiharkan insurans diteruskan.
3. Peluasan liabiliti Syarikat berhubung dengan harta bagi manamanaorang selain daripada Pihak Diinsuranskan hendaklah tidak memberi hak tuntutan di bawahnya kepada orang tersebut. Hanya Pihak Diinsuranskan boleh menuntut dalam semua kes tuntutan untuk dan bagi pihak tertentu dan penerimaan Pihak Diinsuranskan hendaklah dalam sebarang kes secara mutlak melepaskan liabiliti Syarikat di bawahnya.
4. Penginapan tetamu, penginap atau penyewa rumah tumpangan berbayar tidak melebihi tiga (3) orang adalah dibenarkan tanpa menjejaskan perlindungan yang diberi dalam polisi ini dan untuk tujuan Seksyen III Polisi ini tetamu, penginap atau penyewa rumah tumpangan berbayar tersebut hendaklah disifatkan sebagai ahli isi rumah Pihak Diinsurans.
5. Jumlah Diinsuranskan dalam Seksyen I diisytiharkan oleh Pihak Diinsuranskan mewakili tidak kurang daripada nilai penuh harta yang diinsuranskan dan liabiliti keseluruhan Syarikat berhubung dengan kerugian atau kerosakannya oleh semua atau mana-mana Peril dalam mana-mana satu tempoh Insurans hendaklah tidak boleh melebihi jumlah yang dinyatakan terhadap setiap barangan

masing-masing atau dalam agregat Jumlah Keseluruhan Diinsuranskan yang dinyatakan dalam Jadual, atau lain-lain jumlah tertentu atau jumlah sebagaimana mungkin diganti dengannya oleh memorandum ke atasnya atau dilampirkan dalam kontrak ini yang ditandatangani oleh atau bagi pihak Syarikat.

6. Sekiranya pada masa mana-mana kerugian, kerosakan atau liabiliti harta dilindungi oleh Polisi ini terdapat sebarang insurans lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liability tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya, Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada perkadaran setimpal tuntutan tersebut.
7. Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi notis kepada Syarikat tentang sebarang insurans atau insurans-insurans yang telah berkuat kuasa atau yang mungkin kemudiannya dikuat kuasakan, melindungi mana-mana harta yang dengan ini diinsuranskan, dan melainkan notis tersebut diberi dan butir-butir mengenai insurans atau insurans-insurans tersebut dinyatakan atau diendors ke atas Polisi ini oleh atau bagi pihak Syarikat sebelum berlaku sebarang kerugian atau kerosakan, semua faedah di bawah Polisi ini berhubung dengan harta yang diinsuranskan sedemikian adalah terlucut hak.
 - a. Pihak Diinsuranskan hendaklah semasa berlaku sebarang kerugian atau kerosakan kepada harta yang diinsuranskan memberi notis bertulis dengan serta-merta berhubung dengannya kepada Syarikat dan hendaklah atas perbelanjaan beliau sendiri dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kerugian atau kerosakan tersebut menyerahkan kepada Syarikat tuntutan secara bertulis dengan butiran terperinci dan keterangan tersebut sebagaimana mungkin wajar diperlukan. Dalam hal kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kecurian atau sebarang percubaan seperti itu Pihak Diinsuranskan hendaklah juga memberikan notis serta-merta kepada pihak Polis.
 - b. Pihak Diinsuranskan hendaklah semasa menerima notis tentang sebarang kemalangan atau tuntutan yang timbul di bawah Seksyen III memberikan notis mengenainya secara bertulis dengan segera kepada Syarikat dan seberapa segera mengemukakan butiran penuh mengenainya secara bertulis dan hendaklah menyerahkan kepada Syarikat apa-apa writ, saman atau lain-lain proses undang-undang yang dikeluarkan atau dimulakan terhadap Pihak Diinsuranskan dan hendaklah memberikan semua maklumat dan bantuan yang diperlukan untuk membolehkan Syarikat menyelesaikan atau menghalang sebarang tuntutan atau untuk memulakan prosiding.
 - c. Pihak Diinsuranskan tidak boleh menanggung apa-apa perbelanjaan dalam membuat bayaran sebarang ganti rugi tanpa kebenaran bertulis daripada Syarikat dan tidak boleh berunding, membayar, menjelaskan, membenarkan atau menolak sebarang tuntutan tanpa kebenaran yang sama.
8. Syarikat adalah berhak:
 - a. Apabila berlaku sebarang kerugian atau kerosakan kepada harta yang diinsuranskan untuk memasuki manamana bangunan di mana kerugian atau kerosakan telah berlaku dan untuk mengambil dan menyimpan harta yang diinsuranskan berkenaan dan untuk melakukan usaha menyelamatkan dalam cara yang munasabah dan Polisi ini atau mana-mana salinannya yang diperakui oleh Syarikat akan menjadi helaian keterangan dan lesen untuk tujuan tersebut. Tiada harta boleh ditinggal terbiar kepada Syarikat.
 - b. Untuk menjalankan di atas nama dan bagi pihak Pihak Diinsuranskan tatacara, kawalan dan penyelesaian mutlak sebarang prosiding dan membuat prosiding atas perbelanjaannya sendiri dan untuk faedahnya sendiri tetapi di atas nama Pihak Diinsuranskan bagi mendapatkan pampasan atau memperoleh indemnity daripada mana-mana pihak ketiga berhubung dengan apaapa sahaja yang dilindungi oleh Polisi ini.
9. Polisi ini boleh terbatal sekiranya berlaku salah nyata, penerangan yang salah, kesilapan, tertinggal atau tidak mendedahkan fakta oleh Pihak/ Orang yang Diinsuranskan, yang mana Pihak/ Orang yang Diinsuranskan tahu atau sepatutnya telah mengetahui

sebagai tidak benar, mengelirukan atau berkaitan atau yang mungkin telah mempengaruhi pertimbangan atau berkaitan atau yang mungkin telah mempengaruhi pertimbangan penanggung insurans yang berhemat (termasuk Syarikat) dalam menentukan premium yang perlu dibayar dan/atau menentukan jika risiko sepatutnya diterima, dengan atau tanpa niat untuk menipu Syarikat.

10. Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa atas permintaan Pihak Diinsuranskan secara bertulis kepada Syarikat dan premium ke atasnya hendaklah diselaraskan atas dasar Syarikat menerima atau mengekalkan kadar premium jangka pendek lazim atau premium minimum. Polisi juga boleh dibatalkan oleh Syarikat dengan memberi tujuh (7) hari notis bertulis kepada Pihak Diinsuranskan di alamat terakhir beliau yang diketahui dan premium ke atasnya akan diselaraskan atas dasar Syarikat menerima atau mengekalkan premium pro-rata.
11. Sekiranya timbul sebarang percanggahan kepada jumlah bagi mana-mana kerugian atau kerosakan, percanggahan tersebut hendaklah secara bebas daripada semua persoalan lain dirujuk kepada keputusan penimbang tara, yang dilantik secara bertulis oleh kedua-dua pihak secara berasingan, atau sekiranya mereka tidak bersetuju ke atas penimbang tara tunggal kepada keputusan tersebut dua orang berkepentingan sebagai penimbang tara, yang salah seorang daripadanya akan dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa dua (2) bulan kalendar selepas diminta untuk berbuat demikian secara bertulis oleh pihak yang lain. Dalam hal mana-mana pihak enggan atau gagal untuk melantik seorang penimbang tara dalam masa dua (2) bulan kalendar selepas menerima notis secara bertulis yang meminta pelantikan dibuat, pihak lain adalah bebas untuk melantik penimbang tara tunggal; dan sekiranya berlaku percanggahan antara penimbang-penimbang tara, percanggahan tersebut hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang pengadil yang telah dilantik oleh mereka secara bertulis sebelum memulakan pendengaran perkara yang dirujuk dan akan bersidang dengan penimbang-penimbang tara dan mempengerusikan mesyuarat mereka. Kematian manamana pihak tidak akan membatalkan atau menjejaskan kewibawaan atau kuasa penimbang tara, penimbang-penimbang tara atau pengadil masing-masing; dan sekiranya berlaku kematian ke atas penimbang tara atau pengadil, penimbang tara atau pengadil yang lain dalam setiap kes hendaklah dilantik bagi menggantikannya oleh pihak atau penimbang tara (mengikut keadaan) oleh siapa yang melantik penimbang tara atau pengadil yang meninggal dunia. Kos rujukan dan award adalah mengikut budi bicara penimbang tara atau wasit yang membuat award, dan adalah dengan ini jelas dinyatakan dan diisytiharkan bahawa ia hendaklah menjadi syarat duluan terhadap apa jua hak tindakan atau guaman ke atas Polisi ini bahawa award oleh penimbang tara atau wasit tersebut mengenai jumlah kerugian atau ganti rugi sekiranya dipertikaikan hendaklah diperoleh terlebih dahulu.
12. Pihak Diinsuranskan hendaklah menggunakan segala usaha wajar dan penjagaan yang munasabah untuk memastikan premis berada dalam keadaan baik sebagaimana yang sepatutnya dan, di mana Pihak Diinsuranskan adalah pemilik premis-premis yang diinsuranskan, sekiranya terdapat kecacatan di dalamnya maka hendaklah dibaiki secepat mungkin dan hendaklah untuk sementara waktu mengambil langkah-langkah tambahan untuk pencegahan kecederaan, kerugian atau kerosakan sebagaimana mungkin diperlukan dan Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi kecederaan, kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kecacatan yang mana Pihak Diinsuranskan gagal untuk memulihkannya setelah menerima notis mengenai kecacatan tersebut sama ada daripada Syarikat atau mana-mana individu atau orang awam.
13. Pematuhan kepada pembinaan bangunan - Polisi ini akan secara automatik menjadi tidak sah dan terbatal sekiranya pembinaan bangunan kediaman persendirian anda bukan terdiri daripada dinding bata / konkrit dan beratapkan genting / konkrit / asbestos.
14. KEWAJIPAN PENDEDAHAN
Kontrak Insurans Pengguna
 - a. Menurut Perenggan 5, Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda ketahui ada berkaitan dengan keputusan kami menerima

risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

- b. Pihak Diinsuranskan juga mempunyai kewajiban memaklumkan kepada Kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak Kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

WARANTI PREMIUM

Adalah menjadi syarat khusus yang penting dan mutlak bagi kontrak insurans ini bahawa premium kena dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh penanggung insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Polisi/Pengendorsan/Sijil Pembaharuan ini.

Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini secara automatik terbatal dan penanggung insurans adalah berhak ke atas premium pro rata bagi tempoh risiko yang mereka tanggung.

Sekiranya premium yang perlu dibayar selaras dengan waranti ini telah diterima oleh ejen sah penanggung insurans, bayaran hendaklah dianggap telah diterima oleh penanggung insurans untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab membuktikan bahawa premium perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen insurans, yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium tersebut adalah terletak di tangan penanggung insurans.

Tertakluk sebaliknya kepada terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini.

NOTIS PENTING

1. Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak memenuhi kehendak Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan hendaklah memaklumkan kepada Pihak Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk membuat pembetulan sewajarnya.
2. Pihak Diinsuranskan yang tidak berpuas hati dengan tindakan atau keputusan Pihak Syarikat boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) atau melayari Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:

a) Unit Pengurusan Aduan

Liberty General Insurance Berhad

Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Hubungan Pelanggan
Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur.
Tel. No.: +603 2268 3333 (Talian Am) atau

Maklumat hubungan untuk kesemua jenama kami boleh didapati di bawah:

Saluran Hubungan Liberty Insurance

Talian Khas Liberty Insurance: 1300 888 990
E-mel: customer@libertyinsurance.com.my
Laman Web: www.libertyinsurance.com.my

Saluran Hubungan Kurnia Insurans

Talian Khas Kurnia Insurans: 1 800 88 3833
E-mel: customer@kurnia.com
Laman Web: www.kurnia.com

Saluran Hubungan AmAssurance

Talian Khas AmAssurance: 1 800 88 6333
E-mel: customer@amassurance.com.my
Laman Web: www.amassurance.com.my

b) Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)

(dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)

No. Syarikat: 200401025885
Talian Am: +603 2272 2811
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur
Laman Web: www.fmos.org.my

c) **BNMLINK**

Bank Negara Malaysia

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

e-Pautan: bnm.gov.my/BNMLINK

Laman Web: www.bnm.gov.my

3. Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).